

UMS komited sedia pendidikan selaras matlamat KPT

DE 12-09-2012 3

Sherell Ann Jeffrey

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) komited untuk menyediakan pendidikan selaras dengan matlamat Kementerian Pelajaran Tinggi untuk menubuhkan 20 institusi yang diiktiraf antarabangsa menjelang 2020.

Naib Canselor UMS, Dr. Mohd Harun Abdullah berkata demikian di majlis lafaz sumpah oleh sejumlah 599 pascasiswazah baru yang mengkhusus dalam pelbagai bidang di Dewan Canselor UMS di sini, pada Selasa.

Setiap institusi pelajaran tinggi, kata beliau, perlu mengkomersialkan tidak kurang sepuluh peratus daripada penyelidikan dan pembangunan mereka.

"Untuk mencapai matlamat ini, setiap institusi pengajian tinggi termasuk UMS bertanggungjawab untuk menjadi penyedia pendidikan yang akan meningkatkan bilangan bakat intelek dalam negara," katanya.

"UMS, sebagai sebuah universiti berinovasi akan terus meningkatkan usahanya ke arah kecemerlangan akademik dalam pelbagai bidang," kata beliau.

Beliau juga berkata kerajaan komited ke arah terminologi pelaksanaan melalui Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi dan Transformasi Politik.

"Sebahagian daripada inisiatif itu adalah untuk mencapai sasaran 60,000 pemegang PhD menjelang 2023 dan untuk mencapai ini Kementerian Pelajaran Tinggi melaksanakan MyBrain Programme 15.

"Di bawahnya, tiga program baru dibuat di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh iaitu Program MyMaster, MyPhD dan MyPhD Industry, masing-masing dengan matlamat menyediakan bantuan pendidikan kewangan kepada calon-calon yang layak dari pelbagai peringkat pascasiswazah.

"Sehubungan itu, UMS juga komited untuk memastikan bahawa agenda Rancangan Strategi Pengajian Tinggi Negara oleh kerajaan diterjemahkan melalui Rancangan Strategi Halatuju UMS menjelang 2020," katanya.

UMS mula menawarkan kursus PhD sejak 1999 dan setakat ini melahirkan sejumlah 84 pemegang PhD.



ANTARA pascasiswazah yang melafaz sumpah di Dewan Canselor UMS.